

29 OCT 2000

Mahathir-Pelaburan

MALAYSIA MUNGKIN MELABUR DALAM SYARIKAT BARU DI SILICON VALLEY, KATA PM

Oleh: Tham Choy Lin

HONG KONG, 29 Okt (Bernama) -- Malaysia sedang meninjau kemungkinan melabur dalam syarikat-syarikat yang baru bermula di Silicon Valley, Amerika Syarikat dan negara lain dalam rancangannya memperoleh teknologi baru.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata usaha sedang dijalankan untuk mencari peluang sedemikian.

"Jika boleh, kita sedang meninjau peluang di Silicon Valley, contohnya, ada kemungkinan kita boleh melabur dalam beberapa syarikat yang baru bermula yang mempunyai potensi.

"Malahan kita mempunyai orang di sana sedang mencari peluang sedemikian serta di negara-negara lain. Adalah salah bagi kita untuk mengasingkan diri daripada syarikat-syarikat ini di negara asing yang mempunyai potensi baik," katanya pada satu sidang berita di sini malam tadi selepas menyampaikan ucapan pada jamuan malam gala Persatuan Asia.

Malaysia telah mengumumkan belanjawan negara pada Jumaat bahawa kerajaan bersedia untuk membeli saham di syarikat-syarikat asing untuk memperoleh teknologi baru.

Dr Mahathir juga ditanya semasa jamuan malam itu sama ada beliau bimbang yang Barat dilihat menguasai bidang teknologi.

Perdana Menteri berkata beliau telah melawat beberapa kemudahan penyelidikan terkemuka di Barat dan mendapati ramai rakyat Asia bekerja di sana.

"Saya mendapati ketua penyelidik merupakan seorang rakyat Inida, para penyelidik adalah warga Korea dan China, saya menemui beberapa orang kulit putih di kalangan penyelidik itu. Saya rasa mereka bergantung kepada kita, bukan kita bergantung kepada mereka," katanya disambut gelak ketawa dan tepukan mereka yang hadir.

Ditanya oleh seorang wartawan tempatan sama ada Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia akan bersaing dengan Cyber Port, Hong Kong, Dr Mahathir berkata Malaysia lebih suka bekerjasama dengan projek yang serupa di negara lain kerana banyak manfaat yang boleh diperolehi.

"Kami mahu melihat Hong Kong sebagai rakan daripada menjadi pesaing. Kami merasakan kami mempunyai kelebihan tertentu dan Hong Kong pula mempunyai kelebihan yang lain, jadi kita akan saling melengkapi satu sama lain," katanya.

Dr Mahathir berkata MSC merupakan aset bagi Malaysia dan telah setakat ini menarik 34 syarikat bertaraf dunia termasuk Microsoft, dan jumlah perniagaan yang akan digerakkan melibatkan berpuluh-puluh bilion dollar.

Katanya banyak syarikat Hong Kong terlibat dalam teknologi maklumat dan mereka akan mendapati MSC sebagai tempat yang baik untuk menempatkan aktiviti mereka.

-- BERNAMA

TCL RON